

**Berita Harian September 2019**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Selasa 3 Sept 2019	PAC bakal muktamad syor isu Air Mobility, VEP	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)	3
2	Selasa 3 Sept 2019	Tertekan mengenai duit 1MDB, bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib hempas fail - Saksi	Bekas Pegawai Khas Najib, Datuk Amhari Efendi Nazarudin.	5
3	Rabu 4 Sept 2019	Kerajaan usaha kembalikan dana dipinjam SRC	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	7
4	Rabu 4 Sept 2019	Mekanisme baharu ganti skim pencen perkhidmatan awam	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah	9
5	Rabu 4 Sept 2019	Terkejut baki akaun AS\$884,996.78	Bekas Pegawai Khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin	11
6	Rabu 4 Sept 2019	Najib arah Amhari ke Abu Dhabi selesaikan masalah	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	13
7	Khamis 5 Sept 2019	Amhari nafi terima wang habuan daripada Jho Low	Bekas Pegawai Khas, Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin	16
8	Sabtu 7 Sept 2019	AIM peruntukkan RM2.5 bilion pembiayaan mikro tahun ini	Pengerusi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Datuk Junaidah Kiting	19
9	Ahad 8 Sept 2019	YaPEIM peruntuk RM4 juta untuk Program Foodbank 1.0	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)	21
10	Jumaat 13 Sept 2019	1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	23
11	Jumaat 17 Sept 2019	1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	25
12	Selasa 24 Sept 2019	Najib suruh ikut arahan Jho Low bawa balik dana 1MDB - saksi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	27
13	Rabu 25 Sept 2019	Pengambilalihan TIA untuk sembunyikan penyelewengan Najib	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	29

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14	Rabu 25 Sept 2019	Elaun RM120,000 sebagai Pengerusi BOA 1MDB ditetapkan Najib - Saksi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	30
15	Khamis 26 Sept 2019	Najib tiada halangan AS\$750 juta dana 1MDB dipindah kepada PetroSaudi - Shahrol Azral	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	32
16	Khamis 26 Sept 2019	1MDB buat pengeluaran RM715 juta bangunkan TRX	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	34
17	Khamis 26 Sept 2019	Nota Maklumat dari Jho Low menjawab persoalan 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	36
18	Isnin 30 Sept 2019	Lebihan deposit sekuriti pengambil alihan Genting Sanyen masuk akaun Najib - Shahrol Azral	BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.	38
19	Isnin 30 Sept 2019	Lebihan wang deposit sekuriti pengambil alihan Tanjung Energy diseleweng Jho Low	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	40
20	Isnin 30 Sept 2019	Najib luluskan pinjaman AS\$1.75 bilion - Saksi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	42



**Pengerusi, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Dr. Noraini Ahmad.**

### **1. PAC bakal muktamad syor isu Air Mobility, VEP**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memuktamadkan rumusan dan syor berhubung dua isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sebelum ini.

Isu berkenaan membabitkan pembangunan Air Mobility dan projek Sistem Kutipan Cukai Jalan (RC) serta Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) menerusi Kementerian Pengangkutan.

Pengerusi PAC, Datuk Dr Noraini Ahmad, berkata laporan akan dibentang ke Parlimen sebaik rumusan dan syor itu dimuktamadkan.

"Kedua-dua laporan dijangka dapat dibentangkan di Dewan Rakyat dalam mesyuarat ketiga penggal kedua 2019 mulai 7 Oktober hingga 5 Disember ini," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, PAC hari ini mengadakan prosiding berhubung dua isu berkenaan dengan memanggil beberapa pihak berkepentingan yang mempunyai hubung kait dengan kes dibangkitkan.

"Dalam prosiding Air Mobility, PAC mendengar keterangan dan penjelasan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad; Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Datuk Dr Mohd Yusoff Sulaiman dan Pengarah Venture Tech Sdn Bhd (Venture Tech), Dr Norida Abdul Rahman.

"Ini prosiding ketiga isu itu. PAC dimaklumkan oleh Venture Tech Sdn Bhd yang juga syarikat pelaburan MIGHT mengenai pelaburan mereka dalam sektor Air Mobility di negara ini," katanya sambil memaklumkan turut memanggil Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, sebelum ini.

Bagi kes berikutnya, Noraini berkata, PAC mendengar penjelasan dan keterangan bekas pemegang saham syarikat TCSens Sdn Bhd yang menerima kontrak bagi melaksanakan sistem berkenaan berjumlah kira-kira RM150 juta secara rundingan terus.

"Isu ini dilaporkan dalam LKAN siri dua 2017 dan PAC sudah menjalankan tiga prosiding sebelum ini dengan memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, pada 20 Februari lalu.

"Pada 27 Mac lalu, PAC mendengar penjelasan dan keterangan bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai," katanya.

Turut dipanggil sebelum ini ialah Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, yang pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan pada 18 November 2014 hingga 15 Disember 2015.



**Bekas Pegawai Khas Najib, Datuk Amhari Efendi Nazarudin.**

**2. Tertekan mengenai duit 1MDB, bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib hampas fail - Saksi**

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Setiausaha Sulit Datuk Seri Najib Razak, Allahyarham Datuk Azlin Alias, pernah kelihatan begitu tertekan dan menghempaskan fail ke atas meja sambil meninggikan suara dan menyebut, 'Duit 1MDB lah bro!'.

Menurut bekas Pegawai Khas Najib, Datuk Amhari Efendi Nazarudin, 43, kejadian yang tidak diduga itu berlaku pada sekitar Januari atau Februari 2015, selepas Allahyarham Azlin bertemu dengan Datuk Seri Najib Razak.

Saksi kelapan pendakwaan itu berkata, ketika itu beliau sedang menunggu Allahyarham Azlin di pejabat.

Amhari Afendi tidak pernah melupakan insiden itu kerana sepanjang mengenalinya, arwah seorang yang tenang, sopan dan tidak pernah meninggikan suara.

"Wang yang dimaksudkan Datuk Azlin ketika itu kemungkinan besar merujuk kepada kemasukan wang AS\$680 juta atau RM2.6 bilion ke dalam akaun peribadi Najib dan ia bukan sahaja terhad kepada isu anak tirinya iaitu Riza Aziz.

"Saya percaya reaksinya berpunca daripada pendedahan media mengenai 1MDB (1Malaysia Development Berhad) seperti isu usaha sama syarikat Petrosaudi, perbelanjaan mewah Jho Low (Low Taek Jho) menggunakan dana 1MDB, pembelian harta tanah mewah dan sumber dana filem oleh Riza dan kemasukan dana 1MDB ke dalam akaun meragukan.

"Berikutan isu yang heboh pada awal 2015, Datuk Azlin perlu banyak menangani isu yang membabitkan Najib kerana beliau paling mahir dan tahu banyak mengenai 1MDB.

"Ia semakin meruncing kerana pendedahan itu disertakan bukti sokongan seperti gambar, dokumen emel, transaksi bank dan pindahan wang berhubung penyelewengan dana 1MDB yang dipindahkan ke akaun peribadi Jho Low," katanya ketika membacakan pernyataan saksi.

Saksi kelapan pendakwaan itu berkata, beliau agak terkejut apabila baru-baru ini membaca laporan akhbar yang menyebut Allahyarham Azlin mengaturkan pertemuan antara Ambank dengan Najib di kediamannya di Jalan Duta kerana ia tidak menggambarkan keseluruhan kejadian.

Beliau berkata, setiap pertemuan sulit atau perjumpaan tidak formal yang berlaku di rumah Najib memerlukan kelulusan Najib sendiri kerana membabitkan masa, jadual dan akses ke kediaman peribadinya.

"Adalah mustahil dan tidak logik untuk beliau (Azlin) memandai-mandai mengaturkan pertemuan antara Najib dengan pihak Ambank di atas inisiatif sendiri tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bekas perdana menteri itu.

"Saya percaya Datuk Azlin sudah merujuk perkara ini kepada Najib bagi mendapatkan persetujuan beliau," katanya.

Sementara itu, Amhari Afendi, berkata Jho Low akan menyediakan jawapan dan mengarahkan Allahyarham Azlin melaksanakan 'damage control' (mengawal kerosakan) bagi meredakan isu penyelewengan dana 1MDB yang agresif diperkatakan di antara penghujung 2014 dan awal 2015.

Beliau berkata, antara dokumen 'damage control' yang disimpan beliau ialah surat daripada Royal Embassy of Saudi Arabia Kuala Lumpur, surat daripada Helvetica Wealth Management Partners AG dan surat daripada bank J P Morgan (Suisse) SA.

Saksi itu berkata, beberapa dokumen sulit pelan tindakan dan nota maklumat serta senarai semak dilampirkan bersama lima keping surat itu disediakan dan diserahkan oleh Jho Low kepadanya dan Allahyarham Azlin.

"Dokumen itu adalah untuk digunakan sebagai jawapan dan jaminan bagi menutup kes jika terdapat siasatan," katanya.



Menteri Kewangan, Lim Guan Eng

### 3. Kerajaan usaha kembalikan dana dipinjam SRC

PUTRAJAYA: Kerajaan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk mengembalikan seberapa banyak dana RM4 bilion dipinjam syarikat SRC International Sdn Bhd (SRC), yang sudah digunakan di serata dunia.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata daripada dana RM4 bilion yang dipinjam, sebanyak RM3.6 bilion (AS\$1.1 bilion) dipindahkan melalui beberapa anak syarikat luar pesisir kepada beberapa entiti dan bank di luar Malaysia.

Katanya, ia termasuk BSI Bank di Switzerland (lebih AS\$800 juta), Bank Julius Baer & Co Ltd di Hong Kong (AS\$250 juta) dan sebuah syarikat eksplorasi arang batu di Mongolia (AS\$60 juta).

"Merandangkan sebahagian besar dana ini digunakan di merata dunia, kerajaan sedang mengambil langkah sewajarnya untuk mengembalikan seberapa banyak dana RM4 bilion terbabit.

"Justeru, kerajaan melalui SRC sedang giat mengambil tindakan sivil untuk tujuan itu dan bekerja dengan pihak berkuasa berkenaan untuk menjejak wang terbabit, selain bekerja dengan penasihat undang-undang bagi menentukan tindakan sivil boleh diambil bagi mendapatkan kembali aset SRC," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Gua Eng berkata, langkah mengembalikan wang berkenaan tidak termasuk sebahagian dana SRC berjumlah RM42 juta yang didakwa diselewengkan iaitu perkara subjek tujuh pertuduhan jenayah yang prosiding kes masih berjalan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

"Segala dana yang dapat dikembalikan kepada SRC akan digunakan untuk membayar balik pinjaman daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).

"Pada masa sama, ini akan mengurangkan beban kerajaan untuk membayar balik pinjaman itu bagi pihak SRC dan melebihkan peruntukan kepada pembangunan ekonomi serta kebajikan rakyat," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini SRC meminjam RM4 bilion daripada KWAP dengan jaminan Kerajaan Persekutuan.

SRC adalah anak syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebelum ia diambil alih Kementerian Kewangan pada tahun 2012.

"Jadi, beban kewangan SRC kini ditanggung sepenuhnya Kerajaan Persekutuan," katanya.



Borhan menyampaikan ucapan perasmian Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam di PICC Putrajaya

#### 4. Mekanisme baharu ganti skim pencen perkhidmatan awam

PUTRAJAYA: Mekanisme baharu yang akan menggantikan Skim Pencen Perkhidmatan Awam dijangka dilaksanakan tahun depan membabitkan lantikan baharu dalam sektor itu.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah, berkata inisiatif yang disasarkan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan sehingga RM5 bilion setahun itu bagaimanapun masih perlu diperhalusi dan bergantung kepada keputusan muktamad kerajaan.

Katanya, kaedah mengurangkan bebanan pencen bagi kerajaan sudah pun dilaksanakan tetapi bukan dalam skala besar.

"Contohnya, seperti tentera ketika ini yang mempunyai lantikan jangka pendek dan jangka panjang, yang mana jangka pendek adalah tidak berpencen.

"Jadi, lantikan baharu ke dalam perkhidmatan awam selepas ini mungkin kontrak saja, tetapi ia akan dipadukan supaya lebih menarik dengan gaji lebih baik, perlindungan kebajikan dan keselamatan dalam pekerjaan.

"Mungkin juga ada perkhidmatan tertentu saja yang akan kita lantik tetap. Lantikan tetap ini juga mungkin boleh kita jadikan dua versi iaitu lantikan tetap berpencen dan tidak berpencen.

"Jadi, akhirnya kita lihat untuk jangka masa panjang kerajaan tidak akan tanggung beban pencen," katanya selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam (HRMC) 2019 di sini, hari ini.

Tahun lalu, berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi 2019 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, kerajaan disaran menyemak semula skim pencen penjawat awam berikutan jangkaan peningkatan beban kepada pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan.

Menurut laporan itu, skim pencen sedia ada mungkin tidak dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang kerana ia akan menambah beban kewangan yang ditanggung kerajaan.

Mengulas lanjut, Borhan menjelaskan pihaknya sudah membentangkan kertas awalan merangkumi pelbagai opsyen ke arah mengurangkan beban pencen kerajaan kepada jemaah Menteri dan Jawatankuasa Khas Pembaharuan Perkhidmatan Awam.

"Tetapi ia belum dimuktamadkan dan kita diminta untuk terus lagi memperbaiki serta memperhalusi pelbagai opsyen yang diberikan dan keputusan akhirnya akan dimuktamadkan oleh kerajaan.

"Bebanan pencen kerajaan yang meningkat saban tahun sekarang ini mencecah RM28 bilion setahun dan kita mahu lihat mekanisme supaya kerajaan kurang dibebani dengan perkara ini.

"Jika boleh cecah penjimatan RM5 bilion setahun kepada kerajaan pun adalah baik tetapi ini semua bergantung opsyen yang dipilih," katanya.

Dalam pada itu, menjawab mengenai sama ada relevan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) disatukan, Borhan berkata memang ada perancangan ke arah itu dan beliau yakin jika dizahirkan, ia tidak mendatangkan masalah.

## 5. Terkejut baki akaun AS\$884,996.78

KUALA LUMPUR: Bekas Pegawai Khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin, terkejut apabila mengetahui baki akaunnya di dalam BSI Switzerland pada 2016 berjumlah AS\$884,996.78.

Amhari Efendi berkata, beliau hanya mengetahui mengenai baki akaunnya itu selepas dihubungi BSI Switzerland yang bertanya sama ada beliau mengetahui mengenai baki akaunnya.

"Saya menjawab tidak tahu. Pegawai bank itu beritahu kepada saya bahawa wang di dalam akaun berjumlah AS\$884,996.78... Saya terkejut kerana tidak tahu apa pun mengenai kemasukan wang ke dalam akaun saya.

"Saya minta pegawai bank itu memberi pandangan mengenai kemasukan wang ke dalam akaun dan beliau menyatakan akan menghubungi saya semula.

"Pada satu masa yang lain pula, saya dihubungi pegawai daripada bank BSI dan diberitahu bahawa hubungan saya dengan bank itu akan ditamatkan dan saya dikehendaki memindahkan wang itu sama ada kepada satu syarikat di bawah nama saya atau akaun lain di bawah nama saya.

"Saya merujuk perkara ini kepada Jho Low kerana pada terdapat arahan untuk berhubung dengannya sekiranya terdapat apa-apa persoalan mengenai akaun itu," katanya ketika memberi keterangan di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Berikut itu, Amhari Efendi berkata, Jho Low atau nama sebenarnya, Low Taek Jho, kemudian mengarahnya membuka akaun bank di Shanghai dan beliau menurut arahan itu, dengan dibantu secara peribadi oleh ahli perniagaan itu.

"Saya tidak ingat nama bank itu... Jho Low turut berada bersama saya ketika proses permohonan pembukaan akaun tetapi beliau beritahu permohonan tidak berjaya tetapi tidak beritahu alasan.

"Jho Low juga mengarahkan saya ke Bangkok bagi membuka akaun di Kasikorn Bank... Dia beritahu, saya akan dibantu seorang warga Thailand yang juga kenalannya (bukan pegawai bank) tetapi saya tidak ingat nama.

"Seingat saya, nama beliau ada pada borang permohonan pembukaan akaun itu sebagai 'introducer'... Proses permohonan di Bangkok berjaya dibuka masa itu juga," katanya.

Sementara itu, Amhari Efendi berkata bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias, pernah berpesan kepadanya supaya tidak menggunakan wang yang dimasukkan ke dalam akaun yang baharu dibuka atas nama mereka berdua.

Amhari Efendi yang memberikan keterangan selaku saksi pendakwaan kelapan, berkata arwah memberikan pesanan itu kerana wang berkenaan bukan milik mereka berdua.

Saksi itu berkata, akaun baharu itu pula dikawal dan diuruskan oleh Jho Low sejak ia dibuka dan mereka berdua (Amhari Efendi dan Azlin) hanya mengetahui mengenai 'perjalanan' akaun itu apabila diberitahu Jho Low.

Amhari Efendi berkata, Jho Low bagaimanapun hanya memberitahu berhubung akaun itu secara dasar saja tanpa memberikan mereka peluang untuk bertanya dengan lebih lanjut.

Selepas kematian Azlin pada 4 April 2015 dalam nahas helikopter yang menggemparkan negara, Amhari Efendi berkata, beliau runting memikirkan masalah akaun bank BSI di Singapura kerana ia sentiasa dipantau dan dikawal Jho Low.

Amhari Efendi juga memberitahu Mahkamah Tinggi yang terdapat pinjaman berjumlah AS\$6 bilion yang dimohon menerusi usaha sama antara syarikat 1MDB dan Aabar Investments PJS (Aabar).

Saksi itu berkata demikian selepas mengesahkan dokumen bertarikh 5 Februari 2015 mengandungi data pinjaman yang dikemaskini Najib, yang dirujuk Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib.

Amhari Efendi berkata, dokumen itu berada dalam simpanan beliau dan berkemungkinan Azlin pernah memintanya untuk menyimpan dokumen itu selepas perjumpaan mereka dengan Jho Low.

"Atau barangkali dokumen itu ada dalam simpanan saya di mana ia tidak dilupuskan.

"Bagaimanapun, saya tidak dapat menjelaskan kandungan dokumen itu secara terperinci kerana kebanyakan isu 1MDB dibincangkan secara terus di antara Jho Low dan Datuk Azlin manakala saya lebih kepada orang yang menemukan mereka dan menemani Datuk Azlin saja," katanya.



BEKAS Pegawai Khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin ketika ditemui Mahkamah Kuala Lumpur.



saksi pendakwaan kelapan, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin (tengah) tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

#### **6. Najib arah Amhari ke Abu Dhabi selesaikan masalah**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengarahkan pegawai khasnya ke Abu Dhabi bagi menyelesaikan permasalahan untuk mengelakkan negara diseret ke Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa kerana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) gagal membayar bon hutang yang dijamin International Petroleum Investment Company (IPIC).

Najib meminta Pegawai Khasnya, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin, mengesahkan dengan pihak Abu Dhabi bahawa kedua-dua negara bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian itu tanpa perlu merujuk ke Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa.

Amhari Efendi yang juga saksi pendakwaan kelapan, berkata ia adalah satu gerak kerja sulit yang diarahkan Najib kepadanya kerana pada ketika itu isu hutang 1MDB dengan IPIC sangat diperkatakan.

Katanya, 'perjanjian penyelesaian' yang dibincangkan itu adalah membabitkan perjanjian antara dua negara berikutnya proses timbang tara antarabangsa yang dijangka diadakan pada masa terdekat tidak berlaku.

"IPIC dan 1MDB akhirnya berjaya menandatangani perjanjian penyelesaian pada pertengahan 2017," katanya ketika membacakan pernyataan saksi pada prosiding yang memasuki hari keempat.

Amhari Efendi berkata, sebelum itu beliau mendapat tahu bahawa terdapat perjanjian 'Binding Term Sheet (BTS)' yang sudah ditandatangani antara kedua-dua belah pihak.

Beliau berkata, apabila perjanjian BTS gagal dipatuhi (oleh 1MDB), pihak IPIC hendak membawa pertikaian itu ke Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa.

Katanya, berikutan itu Jho Low merancang satu lagi perjanjian iaitu 'perjanjian penyelesaian' bagi mengelakkan Malaysia disaman di mahkamah berkenaan.

"Selepas mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Najib Razak dan setibanya di rumah, saya mendapat pesanan ringkas BlackBerry (BBM) daripada Jho Low yang memberitahu saya perlu ke Abu Dhabi untuk bertemu Khaldoon Khalifa Al Mubarak.

"Khaldoon adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mubadala Development, Emeriah Arab Bersatu (UAE)... Jho Low juga beritahu, beliau akan emel draf perbincangan bersama Khaldoon pada masa terdekat.

"Najib dan Jho Low tahu masalah bayaran hutang IPIC dan secara tidak langsung mereka terbabit dalam rundingan antara saya dan Khaldoon. ...sekarang ini baru saya faham bahawa tindakan itu adalah sebagai langkah 'damage control,' katanya.

Amhari Efendi yang pergi ke Abu Dhabi seorang diri dan berjumpa Khaldoon di pejabat Mubadala, berkata sebelum ini CEO itu dijanjikan 'macam-macam' oleh Malaysia tetapi tidak dilaksanakan.

Pada awalnya Amhari Efendi berkata, beliau tidak memahami apa dimaksudkan dengan 'bermacam-macam' janji tetapi mendapat tahu ia merujuk kepada perjanjian BTS yang tidak dipatuhi sepenuhnya.

Amhari Efendi berkata, pertemuan itu diadakan di pejabat Khaldoon di mana mereka berdua membincangkan mengenai perkara berbangkit itu.


"Hasil daripada perbincangan itu, kami bersetuju bahawa Khaldoon dan saya akan menjadi pemudahcara untuk dua negara secara 'backchannel' (saluran belakang) untuk tidak ke Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa jika perjanjian dapat dipersetujui dan Malaysia membuat bayaran seterusnya (next payment).

"Ia adalah satu tugas khas yang sulit dan saya perlu buat sendiri atas arahan Najib dan Jho Low," katanya.

Saksi itu berkata, perbincangan perjanjian untuk keluar daripada proses timbang tara akan diuruskan oleh 1MDB dengan IPIC serta peguam masing-masing, bagaimanapun Jho Low sentiasa memberi rumusan dan cadangan penyelesaian dua pihak secara keseluruhannya.

Menurut saksi itu lagi, beliau kemudian dihubungi Khaldoon dan peguam IPIC, Martin Edelman bagi penjelasan lanjut berhubung kedudukan perjanjian yang gagal dicapai pada hujung 2016 kerana dua negara itu tidak bersetuju dengan beberapa klausa.

Beliau berkata, pada tempoh akhir perjanjian yang perlu ditandatangani, Najib menelefonnya beberapa kali untuk memintanya merumuskan perbincangan terkini antara kedua-dua pihak.



**Bekas Pegawai Khas, Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Amhari Efendi (tengah) hadir bagi perbicaraan berhubung kes 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, hari ini.**

#### **7. Amhari nafi terima wang habuan daripada Jho Low**

KUALA LUMPUR: Bekas Pegawai Khas, Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin, menafikan menerima wang daripada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low atas 'kerja' yang dilakukannya sejak beberapa tahun dulu.

Penafian itu dibuat Amhari Efendi, 43, ketika memberi keterangan pada perbicaraan kes menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM2.3 bilion milik 1MDB yang dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Ketika menjawab soalan peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, Amhari Efendi menegaskan wang berjumlah AS\$884,996.78 yang dimasukkan kes dalam akaun BSI Switzerland di Singapura atas namanya, bukan hadiah daripada Taek Jho atau Jho Low.

Saksi pendakwaan kelapan itu turut menafikan cadangan Muhammad Shafee bahawa akaun itu yang dibuka bagi tujuan dana politik, hanya rekaan dan imaginasi saja.

**Muhammad Shafee:** Saya cadangkan kepada kamu bahawa wang AS\$884,996.78 dalam akaun yang dibuka di Singapura ini hanya imaginasi ciptaan kamu saja? Ia hanya sekadar dakwaan kamu saja.

**Amhari:** Tidak setuju

Muhammad Shafee: Setuju atau tidak yang kamu terima ini adalah daripada Jho Low sebagai hadiah atas pertolongan kamu kepadanya sejak bertahun-tahun?

Amhari: Tidak setuju

Pada perbicaraan itu, Amhari turut menafikan beliau menerima wang sebanyak AS\$200,000 daripada Jho Low.

Sebaliknya Amhari, berkata wang itu adalah pinjaman yang ditawarkan oleh Jho Low kepada beliau bagi pembelian sebuah rumah di Kota Damansara.

Katanya, beliau cuba untuk mendapatkan pinjaman daripada pelbagai pihak, namun, hanya Jho Low yang sudi memberikan pinjaman.

Muhammad Shafee: Anda ada cuba mendapatkan pinjaman AS\$200,000 daripada Bank Negara Malaysia (BNM)

Amhari: Ya

Muhammad Shafee: Tetapi tidak dapat?

Amhari: Ya

Muhammad Shafee: Anda kemudian cuba minta dengan institusi lain?

Amhari: Ya

Muhammad Shafee: Bagaimanapun Jho Low tahu?

Amhari: Saya bertanya kepada semua orang termasuk Jho Low.

Muhammad Shafee: Anda kemudian meminta Jho Low meminjamkan AS\$200,000?

Amhari: Ya, pinjaman itu bagi menampung pinjaman sebelum menjual rumah saya bernombor 11 di Kota Damansara untuk membeli sebuah lagi rumah bernombor 29 di tempat sama.

Muhammad Shafee: Berapa harga pembelian rumah itu?

Amhari: RM1.85 juta.

"Jho Low bersetuju meminjamkan wang itu (AS\$200,000) dan ia dipindahkan ke akaun Maybank saya daripada Syarikat Alsen Chance Holdings Limited," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau membayar kembali wang yang dipinjamkan itu, Amhari menjawab: "Saya ada cuba membayar pinjaman dengan menjual rumah nombor 11."

Bagaimanapun Amhari berkata beliau tidak membayar semula wang itu kepada Jho Low kerana tidak dapat menjual rumah berkenaan.

"Jho Low juga menolak tawaran saya untuk memindahkan hak milik rumah itu kepadanya.

"Jho Low memberitahu saya, "tak perlu terburu-buru, ambillah masa, tak perlu terburu-buru."

Amhari, turut memberitahu mahkamah, beliau juga tidak membuat atau menandatangani sebarang perjanjian pinjaman dengan Jho Low.

**JUNAIDAH Kiting**

#### **8. AIM peruntukkan RM2.5 bilion pembiayaan mikro tahun ini**

KANGAR: Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memperuntukkan RM2.5 bilion bagi pembiayaan mikro pada tahun ini, dengan menyasarkan keseluruhan 400,000 orang Sahabat AIM (usahawan AIM) sehingga hujung tahun.

Pengerusinya, Datuk Junaidah Kiting, berkata sehingga hari ini, seramai 342,202 berdaftar sebagai Sahabat AIM dari seluruh negara termasuk 4,600 orang di Perlis.

"Setakat Julai lalu, RM1.6 bilion dana peruntukan dikeluarkan bagi membantu Sahabat AIM dengan penambahan keanggotaan kira-kira 50,000 orang.

"Peningkatan jumlah ini menunjukkan wanita peka untuk meningkatkan pendapatan isi rumah mereka dan AIM sentiasa memberi manfaat kepada golongan B40 untuk keluar daripada garis kemiskinan," katanya.

Beliau bercakap kepada media selepas Majlis Bual Bicara Membangunkan Usahawan Wanita bersempena Fiesta Sahabat AIM di Auditorium Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar di sini, hari ini.

Junaidah berkata fiesta yang diadakan hari ini bertujuan mengeratkan silaturahim dalam kalangan usahawan AIM dan memberi peluang untuk mereka memperkenalkan produk dan perniagaan selain menjemput lebih ramai wanita untuk sama-sama menyertai AIM.

AIM yang ditubuhkan pada September 1987 menawarkan skim pembiayaan kredit mikro berpenyeliaan rapi kepada golongan miskin untuk mengusahakan sebarang kegiatan ekonomi berasaskan kemahiran yang dimiliki sebagai usaha menambah pendapatan keluarga.



Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, Pariyah Hasan (tiga kanan) menyerahkan sumbangan kepada penerima Program Food Bank YaPEIM 1.0 pada majlis Ziarah Kasih Rahmah 2019, di Masjid Kampung Panching, Kuantan.

#### 9. YaPEIM peruntuk RM4 juta untuk Program Foodbank 1.0

KUANTAN: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) menyediakan peruntukan berjumlah RM4 juta bagi melaksanakan Program Foodbank 1.0 di seluruh negara, sepanjang tahun ini.

Program itu adalah antara pendekatan yayasan berkenaan membantu meringankan beban ditanggung golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) yang sudah dikenalpasti.

Pemangku Ketua Pengarahan, Pariyah Hasan, berkata pengagihan bantuan itu sudah dimulakan melalui Program Ziarah Kasih Rahmah di Kelantan baru-baru ini.

"Untuk bantuan melalui program ini, kita bekerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan kita mengagihkan bantuan dalam bentuk makanan yang sudah siap dan barang keperluan asas.

"Bagi golongan B40, kita santuni mereka dengan menyampaikan bantuan barang keperluan asas antaranya seperti beras, minyak masak dan biskut, manakala bagi pelajar IPT pula, kita edarkan pek makanan yang sudah siap untuk dimakan.

"Selain itu, kita turut mengadakan program gotong-royong di setiap lokasi persinggahan Program Ziarah Kasih Rahmah bagi mendekati penduduk setempat bagi memudahkan kami mengetahui jenis bantuan yang mereka perlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Program Foodbank 1.0 sempena Program Ziarah Kasih Rahmah di Masjid Kampung Panching, dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Abdul Halim Mad Yusuf.

Pada program itu, kira-kira 600 ketua keluarga menerima sumbangan YaPEIM dan YWM.

Pariyah berkata, pihaknya turut menyediakan peruntukan RM3,000 bagi kerja gotong-royong membersihkan dan memperbaiki kerosakan rumah penduduk di pekan Sungai Lembing pada program hari ini.

Katanya, selain Masjid Kampung Panching, pihaknya turut menyampaikan bantuan kepada kira-kira 100 penduduk di Masjid Kampung Padang, Jalan Sungai Lembing, di sini.

Ditanya mengenai kriteria pemilihan penerima bantuan, beliau berkata, senarai nama penerima yang layak itu diperoleh dari pejabat ahli Parlimen Kuantan dan Indera Mahkota, selain senarai diberikan oleh pemimpin setempat, wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan senarai e-kasih dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, mengulas mengenai program sama yang membabitkan pelajar IPT, Faridah berkata, ia akan dimulakan minggu depan dengan menumpukan kepada pelajar IPT di Lembah Klang terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

### 10. 1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini memerintahkan wang berjumlah RM369,622 dari akaun milik Naza Quest Auto Sdn Bhd dan Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abdul Mutalib yang mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diserah kepada kerajaan Malaysia.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Allan Suman Pillai berikutan tiada pihak ketiga hadir ke mahkamah untuk menuntut wang itu sekali gus bersetuju untuk dilucut hak.

Allan berkata, wang yang dibekukan dari akaun Naza Quest berjumlah RM269,622 manakala Ismail pula berjumlah RM100,000 kini menjadi hak kerajaan Malaysia.

"Selepas pihak kerajaan menerima semua wang itu, pendakwaan akan menarik semula permohonan kepada dua responden terbabit," katanya.

Permohonan melucut hak itu dibuat pendakwaan mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Peguam Md Yunos Sharif yang mewakili Naza Quest selaku responden tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap pelucutan hak wang yang berkait dengan penyiasatan 1MDB itu.

Bagi Ismail pula, persetujuan beliau dikemukakan melalui surat bertarikh 24 Jun 2019 yang dialamatkan ke Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, Mohd Nazlan menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 November, 13 November dan 5 November depan membabitkan tiga lagi entiti iaitu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Badan Perhubungan UMNO Kedah dan Habib Jewels Sdn Bhd.

"Pihak pendakwaan sudah mewartakan untuk kehadiran pihak ketiga pada hari ini. Bagaimanapun tiada pihak ketiga yang hadir.

"Justeru, kami memohon supaya mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan," katanya.

Sehingga hari ini sebanyak lapan daripada 41 entiti telah menyerahkan wang dari akaun masing-masing kepada kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Latheefa Koya sebelum ini berkata permohonan pelucutan hak sudah difaiklan terhadap 41 responden untuk memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Latheefa berkata tindakan itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) yang SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

### 11. 1MDB: Mahkamah benar lucut hak RM369,622

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini memerintahkan wang berjumlah RM369,622 dari akaun milik Naza Quest Auto Sdn Bhd dan Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abdul Mutalib yang mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diserah kepada kerajaan Malaysia.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Allan Suman Pillai berikutan tiada pihak ketiga hadir ke mahkamah untuk menuntut wang itu sekali gus bersetuju untuk dilucut hak.

Allan berkata, wang yang dibekukan dari akaun Naza Quest berjumlah RM269,622 manakala Ismail pula berjumlah RM100,000 kini menjadi hak kerajaan Malaysia.

"Selepas pihak kerajaan menerima semua wang itu, pendakwaan akan menarik semula permohonan kepada dua responden terbabit," katanya.

Permohonan melucut hak itu dibuat pendakwaan mengikut Seksyen 56 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Peguam Md Yunos Sharif yang mewakili Naza Quest selaku responden tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap pelucutan hak wang yang berkait dengan penyiasatan 1MDB itu.

Bagi Ismail pula, persetujuan beliau dikemukakan melalui surat bertarikh 24 Jun 2019 yang dialamatkan ke Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, Mohd Nazlan menetapkan tarikh perbicaraan pada 22 November, 13 November dan 5 November depan membabitkan tiga lagi entiti iaitu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Badan Perhubungan UMNO Kedah dan Habib Jewels Sdn Bhd.

"Pihak pendakwaan sudah mewartakan untuk kehadiran pihak ketiga pada hari ini. Bagaimanapun tiada pihak ketiga yang hadir.

"Justeru, kami memohon supaya mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan," katanya.

Sehingga hari ini sebanyak lapan daripada 41 entiti telah menyerahkan wang dari akaun masing-masing kepada kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Latheefa Koya sebelum ini berkata permohonan pelucutan hak sudah difaiklan terhadap 41 responden untuk memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Latheefa berkata tindakan itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) yang SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hadir pada perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

#### **12. Najib suruh ikut arahan Jho Low bawa balik dana 1MDB - saksi**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengikut arahan ahli perniagaan, Jho Low, untuk membawa balik dana syarikat itu yang dilaburkan dalam syarikat PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi).

Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dalam keteranganannya di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, berkata walaupun Najib tidak memberikan arahan secara langsung, tetapi bekas perdana menteri itu 'membayangkan' demikian (ikut arahan Jho Low) setiap kali beliau (Shahrol Azral) bertanya tentang perkara itu.

Shahrol Azral yang juga saksi pendakwaan kesembilan berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, pada sesi pemeriksaan balas.

Sri Ram: Adakah tertuduh (Najib) beritahu kamu untuk mengikut arahan Jho Low?

Shahrol Azral: Najib tidak pernah beritahu saya secara langsung untuk ikut arahan Jho Low, bagaimanapun beliau 'membayangkan' demikian beberapa kali ketika saya bertanya kepadanya untuk membawa balik dana itu.

Ia berlaku pada tahun 2010 atau 2011 apabila Najib beritahu saya untuk bercakap dengan Jho Low.

Sementara itu, Shahrol Azral yang membacakan pernyataan saksi, berkata cadangan bagi menukar nama Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) kepada 1MDB dibuat melalui surat bertarikh 25 Jun 2009.

Shahrol Azral berkata, cadangan pertukaran nama itu berdasarkan maklum balas daripada seorang Ahli Lembaga Penasihat TIA, iaitu Khaldoon Khalifa Al-Mubarak dengan mengikut acuan syarikat Mubadala Development dari Abu Dhabi.

Saksi itu berkata, surat berkenaan dihantar kepada Najib sebagai butiran cadangan pertukaran nama syarikat terbabit.

Merujuk kepada surat itu, Shahrol Azral berkata, TIA memaklumkan kepada Najib supaya melancarkan model baharu ekonomi di mana rakyat Malaysia akan menerima manfaat daripadanya.

"Saya tidak terbabit di dalam mana-mana perbincangan awal mengenai kandungan surat ini. Saya bagaimanapun percaya bahawa perkara itu turut dibincangkan antara Najib, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi) dan Jho Low.

"Saya dan Jho Low yang menyediakan surat itu manakala selaku CEO, saya turut menandatangani surat berkenaan.

"Saya juga dimaklumkan bahawa Tan Sri Nor diberi tanggungjawab oleh Najib untuk menguruskan pertukaran TIA kepada MDB," katanya.

"TIA turut meminta maklum balas daripada Lembaga Penasihat mengenai pertukaran konsep daripada TIA kepada MDB mengikut acuan daripada Mubadala" katanya.

"Saya pernah menemui Khaldoon dalam beberapa pertemuan di Abu Dhabi dan ketika Khaldoon datang ke Malaysia untuk lawatan pada Oktober 2010.

"Khaldoon sedia maklum bahawa beliau adalah seorang Ahli Lembaga Penasihat dalam 1MDB tetapi tidak pernah ada mesyuarat rasmi BOA TIA yang ada kehadiran beliau," katanya.

Shahrol Azral berkata, sehubungan itu, Menteri Besar Diperbadankan Terengganu (MBI Inc) bersetuju untuk melepaskan kawalan serta pegangan ekuiti dalam TIA di mana Kementerian Kewangan akan mengambil alih kawalan dan ekuiti yang dilepaskan.

Katanya, Kementerian Kewangan (MOF) akan mengambil alih kawalan dan ekuiti yang dilepaskan oleh MBI Inc.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersalaman dengan orang ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

### 13. Pengambilalihan TIA untuk sembunyikan penyelewengan Najib

KUALA LUMPUR: Pengambilalihan Lembaga Pelaburan Terengganu Berhad (TIA) oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah untuk menyembunyikan penyelewengan Datuk Seri Najib Razak berhubung penerbitan bon pinjaman Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) berjumlah RM5 bilion.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata dasar pengambilalihan itu dirancang oleh ahli perniagaan Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

"Berdasarkan apa yang saya tahu sekarang, saya yakin dasar pengambilalihan TIA oleh 1MDB secara 'as is where is basis' ini adalah dirancang oleh Jho Low.

"Ia bagi menyembunyikan penyelewengan Datuk Seri Najib dalam penerbitan bon IMTN RM5 bilion dengan Jaminan Kerajaan yang dibuat pada Mei 2009," katanya.

Sementara itu, Shahrol Azral yang membacakan pernyataan saksi, berkata Jho Low mengarahkannya menulis surat kepada Najib bagi memastikan 1MDB tidak perlu diaudit.

Beliau berkata, surat daripada 1MDB bertarikh 11 Disember 2009 kepada bekas perdana menteri itu dibuat dengan alasan ia adalah permintaan Najib sendiri.

Katanya, dalam surat daripada 1MDB itu menyatakan berkenaan '1MDB:Updates & Approvals', di mana pihak TIA merujuk kepada keputusan dan kelulusan oleh Lembaga Penasihat (BOA) 1MDB yang bersetuju mengenai hala tuju proses pengambilalihan berkenaan.



Saksi pendakwaan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Bhd, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir pada perbicaraan bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB, Datuk Seri Najib Razak di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

#### **14. Elaun RM120,000 sebagai Pengerusi BOA 1MDB ditetapkan Najib - Saksi**

KUALA LUMPUR: Ahli Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menerima elaun tahunan berjumlah RM946,000 sejak April 2011.

Mereka termasuk Pengerusi 1MDB, Tan Sri Che Lodin Wok Kamaruddin yang menerima elaun sebanyak RM230,000.00, manakala Pengarah Bukan Eksekutif 1MDB Tan Sri Ismee Ismail pula dibayar RM179,000.00.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, 49, mendedahkan perkara itu pada hari ke-13 perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana1MDB berjumlah RM2.3 bilion yang dihadapi bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Saksi pendakwaan kesembilan itu yang membacakan pernyataan saksinya berkata, Datuk Ong Gim Huat, Ashvin Jethanand dan beliaupula masing-masing dibayar RM179,0000.

Beliau turut mengesahkan jumlah itu dibayar dan diterima oleh semua BOD secara tahunan sejak dari tarikh ia dikuatkuasakan iaitu pada 1 April 2011, dan tiada pindaan arauan baharu dibuat selepas itu.

"Saya mengesahkan bahawa surat 1MDB bertarikh 2 Februari, 2012 yang ditandatangani oleh saya sendiri dan dikemukakan kepada Najib iaitu berkenaan 1MDB - Directors' Fees.

"Kandungan surat itu menyatakan cadangan elaun dan bayaran kepada BOD 1MDB kepada pemegang saham 1MDB iaitu Najib.

"Amaun pembayaran yang diminta sebenarnya dicadangkan oleh Jho Low (Ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho) yang memberitahu saya bahawa Najib bersetuju untuk pembayaran terbabit," katanya.

Najib, 66, mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang yang sama.



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

**15. Najib tiada halangan AS\$750 juta dana 1MDB dipindah kepada PetroSaudi - Shahrol Azral**

KUALA LUMPUR: PetroSaudi International Ltd (PSI) menerusi wakilnya, Patrick Mahony memohon secara lisan melalui ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk pengeluaran (drawdown) AS\$750 juta daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata pihaknya bagaimanapun melalui rundingan, memohon mengurangkan jumlah yang diminta PSI bagi tujuan suntikan dana tambahannya.

Dalam keterangan di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, Shahrol Azral berkata, beliau juga meminta permohonan rasmi dibuat sebaik dimaklumkan oleh Jho Low mengenai permohonan pengeluaran dana daripada 1MDB itu.

Pada masa itu, katanya, beliau berpendapat 1MDB tidak sepatutnya memberi lebih banyak pinjaman kepada PSI.

"Saya 'pushback' (tarik tali) dengan Jho Low ketika itu kerana bagi saya wang 1MDB sewajarnya digunakan untuk projek tempatan."

"Saya minta Jho Low membuat rundingan dan perbincangan dengan Datuk Seri Najib Razak dan PSI untuk mengurangkan jumlah pinjaman yang perlu diberi kepada PSI."

"Saya tidak terbabit langsung dalam sebarang perbincangan mengenai pinjaman AS\$750 juta itu. Saya juga tidak tahu butiran rundingan seperti siapa dan di mana, yang akhirnya telah mengurangkan jumlah pinjaman kepada AS\$330 juta," katanya.

Beliau berkata, tanpa pengetahuannya, Tarek Obaid menulis surat kepada Najib pada 18 Februari 2011 berhubung permintaan tambahan pinjaman AS\$750 terbabit.

Surat itu, katanya, dilampirkan bersama surat dari Putera Turki kepada Najib pada tarikh yang sama.

Shahrol Azral berkatan, surat terbabit hanya dipanjangkan kepada Pengerusi 1MDB, Tan Sri Che Lodin Wok Kamaruddin pada 11 Mac 2011 dengan nota bertulis daripada Najib.

"Nota bertulis daripada Najib menyatakan beliau tiada halangan untuk penambahan pelaburan ini," katanya.

Saksi kesembilan pendakwaan itu juga mengesahkan tulisan tangan Najib kepada Che Lodin, iaitu 'Tan Sri Lodin, saya tiada halangan dengan cadangan ini. Sila ambil tindakan'.



BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi ketika ditemui di Mahkamah Kuala Lumpur

#### **16. 1MDB buat pengeluaran RM715 juta bangunkan TRX**

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Developement Berhad (1MDB) membuat 'drawdown' (pengeluaran) sebanyak RM715 juta daripada Syndicated Term Loan (STL) untuk projek Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) yang kini dikenali Tun Razak Exchange (TRX).

Bagaimanapun, perbelanjaan projek itu mengikut fasa yang dirancang di mana jumlah RM715 juta itu bukan untuk dibelanjakan sekaligus.

Perkara itu diberitahu bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, pada perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram dana 1MDB dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Shahrol Azral berkata, pengeluaran itu dibuat pada 7 Mac 2011 dan beliau menandatangani surat untuk proses pengeluaran wang berkenaan.

Pada masa sama katanya, beliau menerima satu lagi permintaan 'drawdown' berjumlah AS\$750 juta daripada Ketua Pegawai Eksekutif PetroSaudi International Ltd (PSI), Tarek Obaid, pada 11 Mac 2011.

"Saya terus berbincang mengenai 'drawdown' dengan Jho Low (ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho) dan meminta pandangan beliau sama ada Najib benar-benar bersetuju dengan pelaburan itu atau tidak.

"Dalam perbincangan saya dengan Jho Low, beliau memberi cadangan untuk membuat Minit Pengurusi Ahli Lembaga Penasihat (CBOA) 1MDB yang mengandungi keputusan Najib mengenai isu ini," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama Jho Low ada memberikan cadangan untuk 1MDB membuat pelaburan di dalam sektor hotel di United Kingdom bersama pihak Aabar Investment.

Katanya, cadangan itu turut dimasukkan ke dalam minit terbabit yang disediakan Jho Low dan ahli perniagaan itu turut mendapatkan tandatangan serta kelulusan Najib untuk penambahan pelaburan AS\$750 juta melalui usahasama 1MDB dan PSI.

"Minit yang ditandatangani diberikan kepada saya di pejabat 1MDB...Saya menandatangani minit ini sebagai secretary (setiausaha) selepas melihat tandatangan Najib," katanya.

Shahrol Azral turut mengesahkan minit bertarikh 30 Mac 2011 itu.

"Dalam minit itu, Najib bersetuju untuk 1MDB memberikan pinjaman sebanyak AS\$750 juta kepada PSI tertakluk kepada 1MDB mendapatkan pinjaman RM3 bilion daripada PERKESO.

"Ia juga bagi membolehkan Najib memberi tumpuan kepada projek Maybourne Hotel Group (projek ambil alih hotel di London yang diterajui oleh Jho Low), SRC dan KLIFD.

"Selepas saya menandatangani minit itu, saya menyimpan minit ini dan memaklumkan kepada BOD (Ahli Lembaga Pengarah) dalam mesyuarat 4 April 2011 di mana Najib bersetuju untuk 1MDB menambahkan pelaburan dengan PSI.

"Ingin saya nyatakan bahawa cadangan projek Maybourne Hotel Group ini tidak pernah dirancangkan atau dibincangkan oleh BOD 1MDB, dan saya percaya yang Jho Low cuma mahu menggunakan nama 1MDB untuk bidaan hotel berkenaan," katanya.



AHLI perniagaan dikehendaki, Low Taek Jho atau Jho Low.

#### 17. Nota Maklumat dari Jho Low menjawab persoalan 1MDB

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan dikehendaki, Low Taek Jho atau Jho Low menyediakan nota maklumat bagi menjawab persoalan kepada rakyat Malaysia membabitkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Nota maklumat itu juga akan digunakan jika perlu menjawab soalan penting daripada Jabatan Audit Negara atau parti politik.

Ia berikutan pada ketika itu, Ahli Lembaga Pengarah (BOD) 1MDB tidak dibenarkan mengeluarkan sebarang kenyataan kepada pihak media.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Ibrahim Halmi dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi, berkata nota maklumat itu mengandungi butiran usaha sama 1MDB-PSI (PetroSaudi International Ltd), diserahkan Jho Low kepadanya.

Beliau berkata, ia mengandungi butiran terperinci usaha sama bermula dengan sejarah penubuhan PSI dan hubungan PSI dengan Raja Abdullah Abdulaziz Al Saud yang berakhir dengan penamatkan perjanjian pinjaman Murabaha.

Katanya, ia bagi memastikan segala tindakan yang diambilnya (aksi) adalah mengikut kehendak Jho Low.

"Setiap kali dokumen nota maklumat diserahkan kepada saya, Jho Low akan beritahu isi kandungannya dibincangkan dan dipersetujui Najib.

"Saya rasa beliau tidak berbohong kerana apabila saya rujuk semula isi kandungan nota yang diserahkan kepada saya, Najib tidak pernah mengatakan beliau tidak setuju dengannya.

"Najib hanya meminta atau mengarahkan saya untuk mengambil tindakan susulan mengikut kandungan nota maklumat itu," katanya.

Shahrol Azral berkata, nota maklumat itu turut membabitkan surat daripada Duta Arab Saudi yang menyokong syarikat PSI, surat Duta Malaysia ke Arab Saudi yang menyokong Prince Turki Abdullah dan wakil PSI Tarek Obaid serta surat Banque Saudi Fransi yang menyatakan status baik syarikat PSI.

"Secara amnya, dokumen sokongan ini adalah untuk memberikan keyakinan bahawa PSI adalah syarikat yang mempunyai reputasi yang baik dan boleh dipercayai.

"Bagi setiap dokumen 'talking points' (nota maklumat) atau 'action plan' (pelan tindakan) serta e-mel yang saya terima daripada Jho Low, beliau (Jho Low) akan sentiasa berpesan kepada saya untuk pastikan ia dimusnahkan kemudian.

"Ini kerana ia mengandungi maklumat sulit dan sensitif yang boleh disalah gunakan untuk menggugat kedudukan Najib secara politik jika ia jatuh ke tangan yang salah.

"Bagaimanapun ada dokumen yang saya tidak sempat musnahkan kerana terlepas pandang," katanya.



**BEKAS Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.**

**18. Lebihan deposit sekuriti pengambil alihan Genting Sanyen masuk akaun Najib - Shahrol Azral**

KUALA LUMPUR: Lebihan wang deposit sekuriti berjumlah AS\$790.3 juta bagi pengambil alihan ekuiti Genting Sanyen (M) Sdn Bhd oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diaturkan oleh ahli perniagaan Jho Low dan diselewengkan, sebelum dimasukkan ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak.

Perancangan Jho Low atau nama sebenarnya Low Taek Jho itu bagi membolehkan wang 1MDB masuk ke dalam akaun yang dikawal olehnya sebelum dimasukkan ke dalam akaun bekas perdana menteri itu.

Proses pengambil alihan syarikat itu pula, dilakukan secara tergesa-gesa dibandingkan dengan pengambilalihan Tanjong Energy Holding Sdn Bhd (TEHSB) oleh 1MDB.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dalam keterangannya berkata pengambil alihan Genting Sanyen dilaksanakan melalui pembiayaan pinjaman jangka pendek (bridging loan) berjumlah RM700 juta dan terbitan bon berjumlah AS\$1.75 bilion.

Shahrol Azral Ibrahim yang juga saksi pendakwaan kesembilan, berkata terdapat lebihan yang banyak daripada hasil pembiayaan untuk pengambil alihan itu.

Saksi itu berkata, bagaimanapun beliau tidak mengetahui bahawa lebihan wang untuk pembayaran deposit sekuriti AS\$790.3 juta yang dibayar kepada Aabar Investment PJS Ltd (syarikat usahasama 1MDB) adalah untuk diseleweng oleh pihak lain.

"Pembayaran deposit sekuriti itu dibuat secara 'good faith' (baik) berdasarkan dokumentasi yang disediakan peguam 1MDB Jasmine Loo Ai Swan, Terence Geh (bekas pengarah kewangan) dan Tim Leissner (CEO Goldman Sachs Global).

"Selepas penyiasatan dilakukan barulah saya tahu yang deposit sekuriti itu diaturkan oleh Jho Low untuk membolehkan wang 1MDB masuk ke dalam akaun yang dikawal olehnya untuk tujuan penyelewengan yang seterusnya dimasukkan ke dalam akaun milik Najib," katanya.

Menurut Shahrol Azaral, beliau berpandangan proses pengambil alihan Genting Sanyen dilakukan tergesa-gesa kerana kelulusannya hanya dibuat melalui Resolusi Pekeliling Pekeliling (DCR) tanpa dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (BOD) 1MDB.

"Keadaan tergesa-gesa itu disebabkan oleh tekanan daripada Jho Low yang menyatakan pinjaman dan jaminan dari pihak Petroleum Investment Company (IPIC) itu harus disegerakan.

"Ini kerana atas faktor kerjasama G to G (kerajaan kepada kerajaan) dan perlu diselesaikan sebelum PRU (Pilihan Raya) ke-13 untuk memastikan cukup perhatian daripada Najib sebelum beliau akan sibuk berkempen," katanya.



AHLI perniagaan yang dikehendaki pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low.

#### **19. Lebihan wang deposit sekuriti pengambil alihan Tanjong Energy diseleweng Jho Low**

KUALA LUMPUR: Lebihan wang deposit sekuriti berjumlah AS\$577 juta bagi pembiayaan pengambil alihan ekuiti Tanjong Energy Holding Sdn Bhd (TEHSB) oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselewengkan ahli perniagaan yang dikehendaki pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata deposit sekuriti itu dibayar kepada Aabar Investment PJS Ltd di BSI Bank SA, Lugano, Switzerland daripada akaun Falcon Private Bank (Hong Kong) milik 1Malaysia Energy Limited (1MEL) (anak syarikat 1MDB).

Bagaimanapun, Shahrol Azral yang juga saksi pendakwaan kesembilan, berkata beliau hanya mengetahui berkaitan penyelewengan itu selepas siasatan dijalankan.

Shahrol Azral berkata, pengambil alihan 100 peratus ekuiti TEHSB oleh 1MDB menggunakan 'bridging loan' (pinjaman jangka pendek) berjumlah RM6.17 bilion dan terbitan bon berjumlah AS\$1.75 bilion, selesai pada Jun 2012.

"Terdapat lebihan banyak daripada hasil pembiayaan untuk pengambilalihan itu, tetapi saya langsung tidak tahu bahawa lebihan untuk pembayaran depositi sekuriti kepada Aabar adalah untuk diseleweng.

"Ia dibuat secara 'good faith' (baik) berdasarkan dokumentasi yang disediakan oleh Jasmine Loo Ai Swan (pegum 1MDB), Terence Geh (bekas pengarah kewangan) dan Tim Leissner (CEO Goldman Sachs Global).

"Saya pasti tidak akan meluluskan 'remittance' pengeluaran itu sekiranya saya tahu bahawa ia adalah untuk diseleweng," katanya.

Shahrol Azral berkata, selepas siasatan dijalankan, baru beliau mengetahui mengenai perancangan Jho Low untuk membolehkan wang 1MDB masuk ke dalam akaun yang dikawal olehnya bagi diselewangkan.

Shahrol Azral turut mengesahkan menandatangani dokumen deposit sekuriti untuk dibayar ke akaun Aabar Investment daripada akaun Falcon Private Bank.

Katanya, walaupun pembentangan dibuat Jasmine, tetapi aspek 'pencarian pembiayaan' dan jaminan International Petroleum Investment Company (IPIC) dibuat dengan sokongan penuh IPIC bersama bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melalui pihak Aabar (Mohamed Huseinny).

"Perkara itu (remittance) tidak pernah dibentangkan dan tidak pernah dimaklumkan kepada saya dan percaya ia juga tidak pernah dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah (BOD) 1MDB.

"Namun, saya tidak curiga dan tidak mempersoalkannya kerana pada masa itu saya menganggap ini sudah dipersetujui Najib dan pihak IPIC, berdasarkan 'action plans' (pelan tindakan) dan perbincangan saya dengan Jho Low.

"Saya juga percaya pada masa itu wang deposit sekuriti akan dikembalikan semula kepada syarikat apabila tawaran awam permulaan (IPO) bagi perniagaan tenaga anak syarikat 1MDB dibuat untuk penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur," katanya.

Saksi berkata, wang deposit sekuriti itu tidak pernah dikembalikan semula kepada syarikat dan tidak berjaya disenaraikan.



Najib meluluskan cadangan Bridging Loan (Pinjaman jangka pendek) berjumlah AS\$1.75 bilion melalui pengeluaran nota pinjaman berstruktur selama 10 tahun bagi pengambil alihan syarikat Tanjong Energy Holding Sdn Bhd (TEHSB)

#### **20. Najib luluskan pinjaman AS\$1.75 bilion - Saksi**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, meluluskan cadangan Bridging Loan (Pinjaman jangka pendek) berjumlah AS\$1.75 bilion melalui pengeluaran nota pinjaman berstruktur selama 10 tahun bagi pengambil alihan syarikat Tanjong Energy Holding Sdn Bhd (TEHSB).

Kelulusan itu adalah mengikut Seksyen 6 Akta Jaminan (Pertubuhan Perbadanan) 1965 di mana setiap 'further indebtedness' (keberhutangan akan datang) dalam apa bentuk sekalipun mesti mendapat kelulusan Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Sehubungan itu, saksi pendakwaan kesembilan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dalam keterangan di Mahkamah Tinggi hari ini, berkata kelulusan itu dibuat Najib selaku Menteri Kewangan ketika itu.

Beliau berkata, kelulusan itu diperoleh selepas mendapat kelulusan dalam 1MDB iaitu daripada Ahli Lembaga Pengarah (BOD) dan pemilik saham 1MDB iaitu Kementerian Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc), iaitu Najib.

"Saya ingin menjelaskan bahawa selepas 1MDB dahulunya TIA (Lembaga Pelaburan Terengganu Sdn Bhd) menerima jaminan Kerajaan Persekutuan pada Mei 2009, 1MDB adalah tertakluk kepada Akta Loan Guarantee di mana 1MDB tidak boleh membuat sebarang pinjaman baharu kecuali dengan kelulusan Menteri Kewangan.

"Dalam penerbitan bon pada 2012, saya mengesahkan bahawa 1MDB ada mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Kewangan dan Jasmine Loo (peguam 1MDB) turut terbabit dalam proses mendapatkan tandatangan Najib pada masa itu.

"Saya bagaimanapun tidak terbabit dalam urusan itu. Saya tidak pasti sama ada terbitan bon ini ada melalui proses yang sepatutnya di Kementerian Kewangan atau tidak sehingga kelulusan diberikan oleh Najib atas kapasitinya sebagai menteri kewangan," katanya.